

Bencana banjir uji semangat perpaduan rakyat

31/5/11

Oleh Abdul Razak Raaff


TIDAK dapat dinafikan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah sebahagian daripada barisan hadapan dalam mengurus dan menyelaraskan puluhan ribu mangsa banjir terutama di Johor yang mempunyai pelbagai masalah, rungutan dan aduan berbeza.

Selain bersedih kerana rumah dilanda banjir, banyak perabot dan peralatan elektrik rosak, ada juga mengeluh kerana bantuan RM200 yang dijanjikan belum diterima. Ini belum lagi keluhan mangsa yang terpaksa bersesak tinggal di pusat pemindahan banjir.

Apa pun, pegawai JKM tetap menjadi rujukan kepada mangsa banjir mengenai sebarang masalah selain terpaksa memikirkan pula tugas lain yang perlu dilaksanakan seperti bncian dan taksiran kerugian mangsa banjir. Mereka bekerja dengan ikhlas dan dedikasi.

Namun, sebagai rakyat Malaysia yang kaya dengan budi bahasa dan sopan santun, kakitangan JKM dan agensi lain seharusnya mempunyai naluri kemanusiaan tinggi dan dapat menyerap tekanan perasaan mangsa banjir dengan berkesan.

Mereka wajar bekerja dengan ikhlas seperti memberi jawapan lebih tepat dan berhemah, bukan terus memberi jawapan mendukacitakan mangsa banjir yang sebelum ini sudah berdepan pelbagai ren-



SALING MEMBANTU: Semangat tolong-menolong dapat meringankan derita mangsa banjir.

tetan kepayahan dan kesukaran.

Apa salahnya pegawai JKM lebih berdiplomasi apabila diajukan sebarang pertanyaan oleh mangsa banjir mengenai bentuk bantuan dalam fasa pemulihan banjir. Walaupun kakitangan JKM yang bersikap negatif itu tidak ramai, ia boleh

memberi kesan buruk kepada jabatan itu sendiri.

Bagi sesetengah mangsa banjir, apabila mendapat tahu mengenai bantuan wang ihsan RM200 yang diberi kerajaan kepada setiap keluarga mangsa banjir baik kejadian pertama atau kedua, mereka da-

tang semula ke pusat pemindahan banjir untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai bantuan itu daripada pegawai bertugas.

Namun, ada pegawai JKM bertanya sama ada dia sudah mendaftar atau sebaliknya dan apabila menjelaskan sudah berbuat demikian dalam buku latihan yang diberi, pegawai itu hanya memberitahu buku berkenaan mungkin hilang dan perlu mengisi borang baru. Maka gagallah mangsa banjir berkenan untuk mendapat imbuhan RM200 pada hari itu.

Di sebalik penderitaan dan kesukaran yang dialami semua pihak dalam kejadian banjir dua kali yang berlaku di Johor, ada hikmah yang wajar direnungi setiap rakyat Johor baik mangsa banjir, anggota penyelamat mahu pun kakitangan jabatan dan agensi kerajaan iaitu muhasabah diri.

Selepas ditimpa musibah sebegini, semua pihak tidak boleh menuding jari antara satu sama lain, sebaliknya setiap masalah hendaklah diatasi secara gerakan bersepadu dan semangat perpaduan yang kukuh.

Tiada bumi tidak ditimpa hujan, setiap musibah pasti ada jalan penyelesaian dan perlu ditangani dengan semangat kerjasama serta sokongan padu pelbagai pihak bagi memastikan ia dapat ditangani dengan berkesan pada masa akan datang.

Malah, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, mahu rakyat Johor menjadikan bencana banjir besar ini sebagai satu iktibar dan ujian getir Allah sambil memberitahu kejadian itu mungkin boleh berulang pada masa akan datang kerana fenomena cuaca dunia sekarang sudah berubah dan tidak menentu.

Perkara asas yang boleh menjadi iktibar bagi rakyat Johor ialah mementingkan kebersihan dengan memastikan sistem perparitan dan saliran bebas daripada masalah sampah-sarap yang tentu sekali boleh mengundang pelbagai penyakit berjangkit.

Isu longkang tersumbat, parit dipenuhi sampah serta sungai menjadi tempat pelupusan pelbagai jenis sisa sering didehkan dalam akhbar dan rakyat Johor perlu merenung kembali sikap buruk dan kealpaan diri sendiri.

Sikap tidak bertanggungjawab ini perlu segera dikikis kerana kesan daripada perbuatan ini sejak sekian lama akan ditanggung generasi akan datang.

Penduduk harus merenung sejenak Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 155, bermaksud: *"Dan sesungguhnya, kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan daripada segi harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang bersabar"*.

Maka, kejadian banjir besar dua kali melanda Johor dua bulan berturut-turut akhir tahun lalu dan awal tahun ini adalah ujian Allah kepada umatnya dan umat Islam perlu reda dengan ketentuan itu.